

04/01/1997

Saudi minta Malaysia atasi masalah haji (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Arab Saudi meminta bantuan Malaysia menjelaskan kepada negara Islam di seluruh dunia mengenai ibadat haji yang kini semakin sukar dikerjakan kerana Makkah yang kian sesak.

Penjelasan itu sebagai persiapan mental kepada umat Islam bagi menghadapi hakikat berlakunya kesesakan di Makkah dan jika mereka gagal pergi menunaikan haji disebabkan masalah itu, ia tidak dianggap salah dari segi agama.

Permintaan itu dimaklumkan oleh Menteri Hal Ehwal Hajinya, Dr Mahmud Muhammad Safar, yang diutuskan khas oleh Raja Fahd, menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, pagi ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, memberitahu sidang akhbar hari ini, Malaysia dipilih kerana Arab Saudi yakin kerajaan negara ini mampu menyampaikan mesej itu kepada umat Islam di seluruh dunia.

Menurutnya, masalah persiapan tempat tinggal di Makkah dianggap sebagai halangan haji yang dipersetujui dan diterima oleh Islam selain soal kesihatan, kewangan dan keselamatan ketika perjalanan.

"Dalam Islam, tidak wajib haji bagi mereka yang tidak berkemampuan sama ada jika sakit, tidak cukup wang atau perjalanan dianggap tidak selamat. Selain itu, suasana yang tidak mengizinkan di Makkah seperti masalah persiapan tempat tinggal dan kemudahan lain juga dianggap halangan yang diterima dalam Islam.

"Walaupun persiapan dibuat dan boleh menampung empat juta jemaah setakat ini, jumlahnya terus bertambah setiap tahun. Makkah yang terletak di kaki bukit sempit dan berbatu menghalang usaha pembesaran kawasannya," kata beliau.

Dr Mahmud tiba di sini semalam untuk membincangkan perkara itu serta menyampaikan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri atas lawatannya ke Arab Saudi, bulan lalu.

Tempat tinggal, pengangkutan dan kemudahan lain di Makkah menjadi masalah berikutan pertambahan jemaah haji setiap tahun. Kira-kira empat juta jemaah dijangka ke Makkah pada musim haji tahun ini dan jumlah itu meningkat kepada enam juta orang menjelang 2000.

Kemuncak kesesakan di Tanah Suci ialah pada 5 Zulhijah hingga 13 Zulhijah ketika semua jemaah dari seluruh pelusok dunia mengerjakan ibadat haji.

Dr Abdul Hamid berkata, Dr Mahathir menyatakan persetujuan Kerajaan Malaysia kepada Dr Mahmud bagi membantu Arab Saudi mengenai perkara itu.

"Saya akan berunding lebih terperinci tidak lama lagi dengan Dr Mahmud untuk menyusun program penerangan berkenaan," katanya.

Antara cara menyebarkan penerangan itu ialah melalui institusi Islam di seluruh dunia, persidangan, seminar, forum dan semua saluran media massa. Badan-badan seperti Rabitah Alam Islami dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga akan diguna menyebarkan penerangan itu.

"Penerangan itu sebagai persiapan mental umat Islam menghadapi hakikat kesesakan di Makkah dan jika mereka tidak pergi kerana masalah itu, ia tidak dianggap salah dari segi agama.

"Penerangan itu perlu bagi menentukan bakal-bakal haji benar-benar mampu menghadapi keadaan di Tanah Suci ketika itu sama ada persekitaran, tempat tinggal, pengangkutan dan persiapan lain," katanya.

(END)

